

24 OCT 2002

Mahathir-Tarawih

DR MAHATHIR MINTA JANGAN ADA KACAU IBADAT TARAWIH

ALOR STAR, 24 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini meminta umat Islam menghentikan perbuatan menyalahguna tazkirah ketika sembahyang tarawih kerana ia boleh mengganggu ibadat seseorang.

"Saya minta supaya tidak ada gangguan semasa orang bersembahyang tarawih. Jangan bawa benda-benda yang tiada kena mengena dengan agama seperti politik benci membenci dalam tazkirah," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menghadiri mesyuarat Umno Bahagian Kubang Pasu di Hotel Holiday Villa, di sini. Dr Mahathir adalah Ketua Umno bahagian Kubang Pasu.

Terdahulu itu, ketika melancarkan Program Gerak Mesra dan Tazkirah Yadim di sini, Dr Mahathir berkata terdapat perbuatan menyelitkan perasaan benci-membenci di kalangan umat Islam ketika tazkirah, yang biasanya diadakan selepas empat rakaat sembahyang tarawih sebelum disambung semula, dikesan berlaku di sesetengah tempat tahun lepas.

Dr Mahathir berkata kerajaan akan memantau situasi itu dan sekiranya didapati ada mana-mana pihak telah melakukan perkara berkenaan, tindakan tegas akan diambil.

Menjawab soalan mengenai laporan akhbar hari ini yang menyebut bahawa MCA mahu mata pelajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris diajar di luar waktu persekolahan normal, Dr Mahathir berkata cadangan parti berkenaan akan dibincangkan pada mesyuarat Dewan Tertinggi Barisan Nasional.

"Saya tidak boleh jawab di sini (semasa persidangan akhbar). Kita kena tunggu MCA sampaikan laporan mengenai perkara itu dan ia akan dibincangkan pada mesyuarat Dewan Tertinggi BN," katanya.

Perdana Menteri berkata pada mesyuarat Dewan Tertinggi BN Selasa lepas mengenai perkara itu, ada parti kaum Cina seperti Parti Liberal Demoktarik (LDP) bersetuju dengan pelaksanaan perkara berkenaan malahan ada sekolah Cina sekarang mengajar dua mata pelajaran itu dalam bahasa Inggeris.

Laporan akhbar menyebut, parti-parti komponen BN kaum Cina diberi masa seminggu, mulai Selasa lepas, untuk mengemukakan pendekatan bagi pelaksanaan pengajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris yang akan bermula tahun depan.

-- BERNAMA

MZM JM RON